



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SMS yang dihantar oleh Setanjalanan melalui segmen iLapor pada 31 Oktober 2009 iaitu "Harap Dapat Tambahkan Stesen Minyak Di Sekitar Putrajaya".

Pada masa ini terdapat 5 stesen minyak di Putrajaya, di lokasi-lokasi seperti berikut:

Presint 9	2 stesen
Presint 11	1 stesen
Presint 16	1 stesen
Presint 8	1 stesen

Satu lagi stesen minyak sedang dibina di Lebuhraya SKVE iaitu di sebelah utara Presint 11 manakala satu lagi stesen minyak akan dibina pada awal tahun hadapan ataupun akhir tahun ini di Presint 18.

PPj menghargai keprihatinan pengadu berhubung perkara ini. Pengadu dan orang ramai juga dialu-alukan membuat aduan atau cadangan penambahbaikan terus kepada talian aduan PPj iaitu 03-88873000.

(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 04 November 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA -
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Harian Metro
Segmen : iLapor
M/s : 21
Tarikh : 31 Oktober 2009

HARAP dapat tambahkan stesen minyak
di sekitar Putrajaya. - **SETANJALANAN**
[IMA10927]